

# USAHA-USAHA KE ARAH MEWUJUDKAN KEHARMONIAN KAUM BERIKUTAN BERLAKUNYA PERGADUHAN MELAYU-CINA, 1945-1955

Mohamed Ali Haniffa<sup>1</sup>  
Mohammad Redzuan Othman<sup>2</sup>  
Ho Hui Ling<sup>3</sup>

## Abstract

This article discusses the measures taken by the British, Sultans and local leaders in restoring racial harmony as a consequence of the Malay-Chinese fighting incidents over the years 1945-1955 in Malaya. The difficulties and hardships experienced by these two communities due to the clashes had created a sense of awareness on the importance of racial harmony. The efforts towards mutual understanding were initiated by local leaders and influential figures. The British upon returning to Malaya introduced recovery plans by establishing the British Military Administration (BMA). Its goal was to reorganise the British administration in Malaya. The key to this agenda was to restore racial harmony through a recovery plan that focused on political, legislative, social and economic interests of the people. Emphasis was given to stimulate the latter. Reconciliation efforts implemented at the local level were crucial in restoring peace and public confidence towards the integrity of local leaders to create mutual respect between races. Restoring peace and racial harmony had become an important area in forming alliances towards achieving political independence for the country.

**Keywords:** racial harmony, Malay-Chinese fighting, mutual understanding, peace, respect between races.

## Pendahuluan

Hubungan etnik yang harmonis menjadi kunci bagi keseimbangan antara kekukuhan ekonomi dan kestabilan politik. Peristiwa pergaduhan kaum selepas pendudukan Jepun telah mendedahkan kepada kita bahawa survival Malaysia sebagai sebuah negara bangsa dan sistem sosial yang kukuh, tidak semata-mata terletak pada pertumbuhan ekonomi yang baik dan kestabilan politik yang mapan. Apa yang lebih penting dalam konteks Malaysia sebagai sebuah masyarakat majmuk ialah usaha berterusan untuk memupuk dan mengekalkan hubungan etnik yang harmonis. Sekiranya tidak dilakukan, dalam sekelip mata, pertumbuhan ekonomi dan kestabilan politik yang kita nikmati akan tergugat sekiranya berlaku lagi pergaduhan kaum secara terbuka. Malaysia mempunyai sebuah masyarakat majmuk yang dibentuk oleh penduduk berbilang kaum. Kemajmukan masyarakat di Malaysia menjadi lebih unik lagi dengan kedatangan imigran hasil galakan pihak British dan desakan hidup di negara asal

mereka. Perpaduan di antara kaum dan perkara yang berkaitan merupakan isu penting dalam sejarah Malaysia.

Tunjang perpaduan dalam sesebuah masyarakat majmuk ialah hubungan baik antara kaum. Bagi merealisasikan perpaduan dalam sesebuah masyarakat majmuk, kerjasama dan tolak ansur antara mereka amat penting bagi memastikan kesejahteraan hidup dapat dikecapi bersama. Malaysia adalah sebuah negara kecil yang dalamnya terdapat kombinasi komuniti yang pelbagai. Kepelbagaian inilah yang menyebabkan Malaysia sentiasa dipandang oleh masyarakat antarabangsa yang lain, khususnya sebagai model atau destinasi pelancongan luar negara. Kehadiran imigran dan penjajah telah mewujudkan interaksi, integrasi dan asimilasi dalam masyarakat. Proses ini berterusan sehinggalah ke hari ini. Masalah hubungan kaum di Malaysia berpunca daripada pelbagai sebab. Antaranya ialah dasar British, zaman pemerintahan Jepun dan prasangka ras yang sukar dibendung yang telahpun berakar umbi dalam kalangan pelbagai etnik di Tanah Melayu.

### **Masyarakat Majmuk dan Pergaduhan Melayu-Cina, 1945-1955**

Malaysia secara sejarah merupakan lanjutan daripada Kesultanan Melayu Melaka. Pengkaji sejarah seperti OW. Wolters dan Wang Gungwu menjelaskan bahawa, Melaka mula mengamalkan sikap liberal dan terbuka sejak pemerintahan Iskandar Syah (Parameswara) dan dua orang pengganti selepasnya.<sup>4</sup> Tome Pires pula menyatakan bahawa terdapat lapan puluh empat bahasa digunakan di pelabuhan Melaka.<sup>5</sup> Kemajmukan kaum di Tanah Melayu mula menjadi penting apabila British mengawal dan menguasai negeri-negeri Melayu. British menggalakkan penghijrahan masuk imigran Cina dan India tanpa kawalan. Tenaga imigran digunakan seoptimum mungkin oleh British bagi mengusahakan lombong bijih timah dan membuka ladang getah.<sup>6</sup> Hal ini juga telah menjadikan bilangan imigran di Tanah Melayu meningkat dan mengatasi bilangan penduduk peribumi. Menjelang tahun 1921 bilangan orang Cina di Tanah Melayu ialah seramai 1,171,740 juta orang. Bilangan ini terus meningkat menjadi 1,704,452 orang pada tahun 1931 dan 2,614,667 orang pada tahun 1947.<sup>7</sup> Kedudukan ekonomi orang Cina pada awal abad ke-20 lebih kukuh berbanding dengan orang Melayu dan India. Situasi ini telah menyebabkan orang Melayu melihat kemajuan ini dengan perasaan yang tidak senang.<sup>8</sup>

Pendudukan Jepun di Tanah Melayu merupakan faktor utama sehingga berlakunya pergaduhan di antara orang Melayu dan Cina. Hal ini ditambah apabila orang Melayu hilang kepercayaan terhadap komuniti Cina. Tentera Bintang Tiga mula menghukum dan membalas dendam ke atas orang Melayu selepas tentera Jepun menyerah kalah. Isu mempertahankan maruah bangsa, pemilikan tanah pertanian, pengeksploitasian sumber ekonomi dan sumber kehidupan oleh komunis turut menjadi faktor meletusnya pergaduhan Melayu-Cina. Pencabulan ke atas kesucian agama Islam telah menjadi faktor semerta kepada meletusnya pergaduhan Melayu-Cina.<sup>9</sup>

Provokasi merupakan sebahagian daripada tindakan yang telah dilakukan oleh komunis dalam merenggangkan hubungan Melayu-Cina. Pada 10 Jun 1945, MPAJA telah membunuh Pegawai Daerah Batu Pahat iaitu Ismail Abdullah, Tuan Haji Hasbullah (Kadi Batu Pahat) dan Dr. Woodhull (Pegawai Perubatan Batu Pahat) ketika berunding dengan MPAJA di Benut, Johor.<sup>10</sup> Hubungan Melayu-Cina di Segamat mulai

renggang dan terdapat beberapa kejadian pertumpahan darah.<sup>11</sup> *Gerakan Sabilillah* ialah anti-Cina, anti-MPAJA dan bermatlamat mempertahankan agama Islam dan survival orang Melayu akibat daripada pembunuhan kejam serta penyeksaan yang dilakukan ke atas mereka. Pergaduhan Melayu-Cina di Johor telah bermula antara Mac hingga Ogos 1945.<sup>12</sup> Berikutan daripada keganasan Bintang Tiga ke atas orang Melayu, Tentera Sabil Selendang Merah (*Holy War Army of the Red Bands*) telah dibentuk oleh Kiai Salleh bin Abdul Karim di Simpang Kiri, Batu Pahat, Johor. Beliau telah menggabungkan penduduk Melayu yang terdiri daripada dua suku yang berlainan iaitu Jawa dan Banjar.<sup>13</sup> Orang Melayu telah membentuk kumpulan parang panjang bagi mempertahankan survival bangsa apabila nyawa dan keselamatan mereka diganggu gugat oleh Bintang Tiga.

Pergaduhan Melayu-Cina di Johor telah berlarutan di Sungai Manik, Perak. Pergaduhan di Sungai Manik telah berlaku di antara 15 Ogos 1945 sehingga 15 September 1945.<sup>14</sup> Isu sensitif di mana satu kaum diserang oleh kaum yang lain sengaja disebarkan dengan harapan akan berlaku pergaduhan sesama mereka.<sup>15</sup> Pergaduhan Melayu-Cina di Perak terus merebak sehinggakan kampung tradisional Melayu menjadi mangsa kekejaman komunis.<sup>16</sup> Hal yang sedemikian telah berlaku di Kampung Bekor pada 6 Mac 1946. Akhbar *Majlis* bertarikh 5 Mac 1947 melaporkan seperti berikut:

“... Mayat Melayu telah terjumpa bergelimpangan esoknya dan 19 buah rumah-rumah termasuk sekolah agama menjadi abu ...”<sup>17</sup>

Manakala akhbar *Majlis* bertarikh 24 Februari 1947 melaporkan:

“...Apabila saksi pulang ke rumahnya, didapatinya rumah sudah terbakar, tetapi dia tidak dapat menunjukkan mana satu yang dituduh itu membakar rumahnya ...”<sup>18</sup>

Keadaan tegang dan pergaduhan kaum juga telah berlaku di Selangor sebelum Jepun menyerah kalah. Pergaduhan Melayu-Cina berlaku di perkampungan orang Melayu di Salak, berhampiran dengan Sepang, Selangor.<sup>19</sup> Pergaduhan juga dilaporkan di Ulu Kelang pada 24 Disember 1945.<sup>20</sup> Sekumpulan empat orang Cina menyerang perkampungan orang Melayu di Segambut pada 18 dan 19 Januari 1946.<sup>21</sup> Pada 20 Januari 1946, jam 4.30 petang, tersebar khabar angin yang menyatakan gerakan anti-Cina orang Melayu akan bermula dari Setapak, Sentul dan Kampung Bharu. Kedua-dua kaum mengambil langkah berjaga-jaga untuk mempertahankan diri.<sup>22</sup> Seramai 25 orang Cina yang bersenjatakan batang besi menyerang Kampung Sentul pada malam 20/21 Januari 1946.<sup>23</sup>

Pada 8 Februari 1946 berlaku pergaduhan Melayu-Cina di Jalan Klang-Banting yang mengakibatkan seorang Melayu terkorban. Pembunuhan ke atas keluarga orang Melayu seramai lima orang telah berlaku di Kuala Selangor pada 9 Februari 1946.<sup>24</sup> Dalam laporan yang dikeluarkan sehingga 27 Mac 1946, keadaan bertambah tegang di kawasan Tanjung Karang.<sup>25</sup> Pergaduhan Melayu-Cina juga berlaku di Kedah dan pada 26 September 1945 sekumpulan tentera dihantar ke Baling bagi mententeramkan keadaan.<sup>26</sup> Pergaduhan di Kampung Merbok, Kedah berlaku pada 26 Oktober 1945.<sup>27</sup> Pada 24 Disember 1946 telah berlaku pergaduhan di antara beberapa orang Melayu dengan tentera British di Sungai Petani, Kedah.<sup>28</sup> Ketegangan hubungan kaum mulai

dirasakan di Sungai Bakup pada 22 November 1945<sup>29</sup> dan Nibong Tebal pada 26 November 1945.<sup>30</sup>

Pergaduhan Melayu-Cina di Batu Talam, Raub telah berlaku pada pagi 11 Februari 1946<sup>31</sup> di kawasan pasar Cina (pekan sehari Batu Malim).<sup>32</sup> Seramai 200 orang Melayu dan 150 orang Cina yang berada di kawasan pasar terlibat dalam pergaduhan tersebut.<sup>33</sup> Pergaduhan di Batu Malim telah menimbulkan perasaan cemas dalam kalangan orang Cina di Bentong. Mereka mula membentuk pasukan bagi mempertahankan diri.<sup>34</sup> Kekacauan juga meletus di Beserah dan Bukit Goh, Kuantan pada Februari 1946.<sup>35</sup> Pada 14 November 1945, pergaduhan Melayu-Cina berlaku di Triang dan Mentakab.<sup>36</sup>

Ketidakseimbangan perencanaan ekonomi oleh penjajah British telah menyebabkan orang Melayu terpinggir dalam arus pembangunan. Kemasukan imigran Cina dan India secara tidak terkawal telah menyebabkan peluang ekonomi dibolot oleh mereka. Hal ini diburukkan lagi dengan zaman penjajahan Jepun yang telah mempertajamkan konflik perkauman. Kemuncak kepada kebangkitan orang Melayu ialah apabila Bintang Tiga bertindak zalim terhadap orang Melayu. Justeru itu, dalam mempertahankan kelangsungan survival orang Melayu, golongan ulama, pemimpin agama dan tempatan telah menjadi penyuntik semangat.<sup>37</sup> Ulama telah berperanan sebagai agen perubahan dan sebagai *role model*. Kedatangan ulama ke negeri-negeri Melayu telah menyuntik semangat jihad dalam kalangan orang Melayu. Pergaduhan Melayu-Cina jelas menunjukkan kelemahan British dalam membina masyarakat majmuk di Tanah Melayu. Hal ini juga telah menyebabkan ekonomi Tanah Melayu menjadi lumpuh. Oleh yang demikian, British berusaha untuk mengembalikan semula keharmonian kaum bagi memastikan Tanah Melayu terus menjadi penyumbang kepada perbendaharaan mereka.

## Usaha Mengembalikan Keharmonian Kaum

Pergaduhan Melayu-Cina yang tiada berkesudahan menyedarkan British dan pemimpin masyarakat mengenai kepentingan perdamaian. Oleh yang demikian, British mula merangka pelan pemuliharaan sekembalinya mereka ke Tanah Melayu dengan mengasaskan *British Military Administration* (BMA).<sup>38</sup> Menurut Grubb dan Bowes Lyon (Pegawai British di London), perancangan yang rapi telahpun dibuat sejak tahun 1942 bagi memulihkan Tanah Melayu dari aspek politik, ekonomi dan sosial.<sup>39</sup> Langkah segera yang telah dilaksanakan oleh British ialah menjalankan perundingan. Penduduk Tanah Melayu khususnya, mengalu-alukan kehadiran British dengan mengharapkan pentadbiran baru akan membawa perubahan dalam mendapatkan makanan, pakaian dan keadaan hidup yang lebih baik jika dibandingkan dengan pemerintahan Jepun.<sup>40</sup> Oleh yang demikian, *Malaya Handover-Committee* dibentuk bagi memulihkan dan membentuk pentadbiran baru di Tanah Melayu.<sup>41</sup>

Sebanyak £11,000,000 telah diperuntukkan pada tahun pertama bagi memulihkan kemudahan pengangkutan dan telekomunikasi.<sup>42</sup> British telah memperuntukkan geran pemuliharaan sebanyak £5,000,000 daripada jumlah keseluruhan peruntukan sebanyak £85,500,00. Amaun tersebut diperuntukkan kepada semua tanah jajahan British di bawah *Colonial Development and Welfare Act of 1945*.<sup>43</sup> Seramai 87 orang penanam getah, pelombong bijih timah dan jurutera telah dihantar ke Singapura dari United Kingdom dan India bagi memulihkan semula ekonomi Tanah Melayu.<sup>44</sup> Bagi memulihkan imej, British telah menggunakan kesempatan yang ada bagi menyebarkan propaganda khususnya kepada orang Melayu. Pelbagai mesej positif mengenai British cuba

diselitkan melalui ucapan menjelang bulan Ramadhan dan ketika menyambut Hari Raya Puasa.<sup>45</sup>

Usaha yang dilakukan pada peringkat awal ialah bagi menangani sebarang kemungkinan berlakunya pergaduhan kaum. Oleh yang demikian, tindakan segera telah dilaksanakan bagi mengharamkan PKM.<sup>46</sup> Ralph Hone menjelaskan bahawa pemimpin Melayu-Cina bersedia untuk berbincang dan bekerjasama dalam memulih serta mengekalkan keamanan.<sup>47</sup> Propaganda merupakan sebahagian daripada tugas penting yang telah dilaksanakan oleh British pada April 1945 bagi mengembalikan semula imej mereka. Sebanyak 17,380,740 risalah dan 3,589,390 buletin telah digugurkan kepada tentera Jepun dalam memastikan elemen mereka dihapuskan.<sup>48</sup> Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Keamanan Bentong (*Peace Committee*) telah diadakan pada 10 September 1945 di Dewan Perhimpunan Cina pada jam 12.00 tengahari. Mesyuarat kali ketiga pada 12 September 1945, jam 1.00 petang telah dipengerusikan oleh Cik Ah Fong.<sup>49</sup> Dalam mesyuarat berkenaan telah diumumkan mengenai kutipan wang sebanyak \$18,000.00 oleh *Anti-Japanese Union and Forces (AJUF)* Bentong.<sup>50</sup> Mesyuarat induk yang terdiri daripada semua orang Cina dan Jawatankuasa Keamanan Mentakab telah diadakan pada 13 September 1945 di *Court House Temerloh*, Kelab Orang Cina Temerloh, Kelab Orang Cina Mentakab dan di Taman Mentakab. Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh seramai 1,000 orang.<sup>51</sup>

Dalam mesyuarat *Selangor General Labour Union (GLU)* yang telah diadakan pada 29 Disember 1945, ahli mesyuarat menyokong tindakan persatuan bekas *Anti-Japanese Army (AJA)* mengadakan mesyuarat bagi memulihkan keharmonian kaum.<sup>52</sup> Liga Belia Tempatan pula telah mengadakan mesyuarat pada 8 Januari 1946 bagi meluluskan resolusi untuk menyertai *Malay Nationalist Party (MNP)* dan membentuk jawatankuasa hubungan antara kaum bagi menangani jawatankuasa penyiasat.<sup>53</sup> Pada 12 Januari 1946, telah dicadangkan pembentukan Jawatankuasa Pemulihan Melayu-Cina bagi mengembalikan keharmonian kaum.<sup>54</sup> Pada 3 Januari 1946, wakil MNP telah berbincang dengan Theat Hong, pemimpin Parti Komunis Malaya (PKM) mengenai kerjasama Melayu-Cina berikutan kebimbangan kejadian pergaduhan Melayu-Cina di Dinding, Perak.<sup>55</sup>

Kapten L.D. Gammans dan George Maxwell dihantar ke Tanah Melayu pada Mac 1946 dengan tujuan untuk memupuk hubungan baik antara pelbagai komuniti di Tanah Melayu.<sup>56</sup> Lord Milverton dalam satu kenyataan di London menyatakan bahawa keseluruhan masa depan Tanah Melayu adalah bergantung kepada "*Malayanising*" komuniti Cina.<sup>57</sup> Jawatankuasa Penasihat Orang Cina Perak telah mengadakan mesyuarat pada 18 November 1945 dan Sultan Perak menyatakan bahawa baginda akan menerima pandangan daripada badan tersebut mengenai komuniti Cina. Pendapat daripada wakil setiap daerah akan dikumpul dan disalurkan kepada kerajaan.<sup>58</sup> Terdapat juga usaha yang dilakukan oleh individu dan pemimpin masyarakat Melayu-Cina dalam menyelesaikan pergaduhan kaum di Parit Jawa serta Batu Pahat.

Mesyuarat seterusnya telah diadakan pada bulan Februari 1946 dengan menjemput 15 orang wakil orang Melayu dan Cina.<sup>59</sup> Mesyuarat tersebut telah diadakan atas permintaan orang Cina dan telah mendapat kebenaran daripada *Civil Adviser Officer (CAO)*. Dalam mesyuarat berkenaan, semua wakil yang hadir telah bersetuju, bahawa mereka perlu bekerjasama dalam memulihkan keamanan di Parit Jawa, Johor dan menempatkan semula pelarian Cina. Hasil pemantauan yang berterusan daripada BMA, pergaduhan Melayu-Cina dapat dikendalikan buat sementara waktu. Pergaduhan

Melayu-Cina di Benut dapat dikurangkan apabila terdapat campur tangan BMA dan juga pasukan polis.<sup>60</sup> Sultan Alam Shah dari Selangor ketika dikunjungi MacMicheal pada 23 Oktober 1945 telah mengenakan empat syarat penting. Antaranya ialah pelantikan orang British di samping orang Melayu dalam jawatankuasa memulihkan hubungan antara kaum.<sup>61</sup>

Perjumpaan Jawatankuasa Rakyat Selangor yang terdiri daripada orang Cina, India, Melayu dan kaum-kaum lain telah diadakan pada 16 November 1945, jam 10 pagi bertempat di Dewan Perhimpunan Cina Kuala Lumpur. Matlamat utama ialah mencari jalan penyelesaian kepada pergaduhan kaum. Pada peringkat awal, perbincangan ini hanya berkisar kepada dua lokasi utama berlakunya pergaduhan Melayu-Cina iaitu di Kuala Pilah dan di Johor. Phang Sow Soong, Pengetua Jawatankuasa Rakyat Selangor dalam ucapannya menyatakan bahawa rundingan yang diadakan adalah amat penting kepada kedua kaum di Tanah Melayu. Beliau juga berharap orang Melayu dan Cina melupakan perselisihan sekiranya ada dan mewujudkan kerjasama antara kedua kaum ini bagi kerja memulihkan keamanan dan mengekalkan peraturan.<sup>62</sup>

Intipati utama yang telah disuarakan oleh orang Melayu dalam perundingan tersebut ialah orang Cina telah mencampuri soal beragama orang Melayu. Di samping itu, perwakilan juga telah memberikan pandangan bahawa punca pergaduhan Melayu-Cina ialah apabila maruah orang Melayu yang sengaja hendak dicabar dan dijatuhkan oleh orang Cina. Perwakilan juga telah memohon jawatankuasa perundingan memberi nasihat kepada orang Cina agar tidak mencampuri urusan yang berkaitan dengan adat istiadat orang Melayu.<sup>63</sup> Majlis perundingan juga telah memutuskan agar jawatankuasa perundingan di peringkat daerah juga perlu ditubuhkan.<sup>64</sup> Atas rayuan Jawatankuasa Pembantu Kuala Pilah, Jawatankuasa Rakyat Selangor telah mengutip derma bagi membantu mangsa pergaduhan Melayu-Cina di Kuala Pilah. Wakil juga telah dilantik ke tempat kejadian di Kuala Pilah bagi menyelidiki punca berlakunya pergaduhan.

Perjumpaan di peringkat daerah dan juga jajahan telah dilaksanakan bagi meredakan kemarahan di antara orang Melayu dan Cina. Sultan Selangor telah bertitah mengenai kepentingan keharmonian kaum ketika mengadakan perjumpaan dengan penghulu dan ketua kampung di negeri Selangor.<sup>65</sup> Perjumpaan di peringkat daerah dan juga jajahan telah dilaksanakan bagi meredakan kemarahan di antara Melayu-Cina. Sultan Musa Ghiatuddin Riayat Shah ibni Almarhum Sultan Sir Alaeddin Sulaiman telah bertitah sedemikian ketika mengadakan perjumpaan dengan penghulu dan ketua kampung di negeri Selangor.<sup>66</sup> Baginda telah menyeru kepada semua penduduk agar memikirkan cara bagi memulihkan keamanan. Tugas utama yang perlu diberi perhatian ialah bagaimana untuk memperbaiki keadaan kehidupan dan bukannya dengan berselisih faham.<sup>67</sup> Dalam usaha menyatukan orang Melayu, Cina dan India, Persekutuan Orang Ramai Ulu Pahang telah dibentuk pada 18 Disember 1945. Matlamat penubuhan badan ini ialah untuk memperbaiki sosio-ekonomi dan membantu kerajaan bagi membina keamanan seperti sedia kala.<sup>68</sup>

Peranan sultan dalam mendamaikan orang Melayu dan Cina selepas perang tidak dapat dinafikan. Pada Disember 1945, Sultan Perak telah melawat ke Parit, daerah Dinding pada 15 Februari 1946, Teluk Anson pada 5 Januari 1946 dan pada 10 Julai 1946 ke Hilir Perak bagi berjumpa dengan pemimpin setempat.<sup>69</sup> Mesyuarat bersama penghulu, ketua kampung dan pegawai kerajaan telah diadakan bagi memastikan kerja pemulihan selepas perang diberikan keutamaan. Baginda juga telah melawat ke Manong pada Januari 1946 dan memberikan peringatan agar hidup dalam suasana

muhibah.<sup>70</sup> Atas persetujuan Sultan Perak, wakil orang Melayu dan Cina telah dijemput untuk berbincang, seterusnya mendamaikan kedua pihak. Mesyuarat di Parit, Perak telah diadakan pada 4 Januari 1946, manakala di Teluk Anson pada 5 Januari 1946.<sup>71</sup> Pada penghujung tahun 1946, Sultan Perak bersama dengan *Resident Commissioner* melawat mukim yang berhampiran dengan Teluk Anson dan Parit. Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak dan Yang Amat Mulia Raja di Hilir turut mengadakan lawatan bagi mengenal pasti permasalahan rakyat.<sup>72</sup>

Jawatankuasa Hubungan Kaum Negeri Perak (*Perak Communal Relation Committee/PCRC*) ditubuhkan sebagai perantara dalam mencari jalan penyelesaian di antara orang Melayu-Cina. Perjumpaan telah diadakan di Bota, Lambor dan Layang-layang di antara wakil PCRC dengan penduduk Melayu pada 9 Mei 1946.<sup>73</sup> Perjumpaan di Bota telah dihadiri oleh penghulu dan penolong penghulu dari beberapa buah mukim yang berhampiran. Perjumpaan ini dihadiri seramai 400 orang penduduk tempatan. Leong Lin yang menjadi pengerusi bersama PCRC telah memberikan beberapa penjelasan. Antara lainnya ialah penekanan mengenai keperluan untuk bekerjasama. Komuniti Melayu-Cina juga telah diminta untuk memikirkan mengenai kepentingan kehidupan pada masa akan datang.<sup>74</sup>

Mesyuarat PCRC juga telah menjadi titik permulaan bagi British melaksanakan polisi yang berkaitan dengan etnik di Tanah Melayu. Perbincangan ini juga telah dijadikan dasar, bahawa adalah tidak wajar untuk memaksa orang Melayu di lokasi berlakunya pergaduhan kaum menerima semula kaum Cina seperti mana semasa awal pendudukan Jepun dahulu. PCRC berharap, BMA akan memberikan perhatian yang serius khususnya dalam memastikan kedua etnik ini tidak terlibat dalam pergaduhan. Dalam usaha memelihara hubungan dengan pemimpin tempatan, BMA telah mengadakan perjumpaan secara berkala. Di Kuala Kangsar, Perak, mesyuarat bersama ketua kampung dan penghulu diadakan dua kali sebulan iaitu pada setiap hari Khamis.<sup>75</sup>

Mesyuarat di antara Pegawai Daerah Pontian, Ketua Polis Batu Pahat dan Tin Che Liow, pemimpin Persatuan Cina Seberang Laut, Pontian, pemimpin Persatuan Cina Benut, ketua orang Melayu dan beberapa orang pemimpin Cina di Benut telah diadakan pada 6 April 1949 jam 3.00 petang berikutan pergaduhan di Benut.<sup>76</sup> Mesyuarat tersebut telah dihadiri seramai 300 orang.<sup>77</sup> Mesyuarat ini berlangsung dalam keadaan harmoni dan tamat pada jam 1.50 petang. Wakil daripada kedua kaum telah diminta berjumpa semula di Balai Polis Benut pada jam 2.30 petang bagi mengadakan rundingan.<sup>78</sup> Pegawai polis dari Cawangan Khas, Johor telah melawat Benut pada 28 Mei 1949, jam 7.00 pagi. Satu mesyuarat susulan telah diadakan pada hari yang sama. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh dua orang penghulu, Kapitan Cina dari Benut, ahli dari pertubuhan Cina dan badan perniagaan Cina serta pegawai daerah.

Menjelang pertengahan April 1949, pemimpin Melayu dan Cina di Parit Jawa, Muar, telah mengadakan mesyuarat di premis pertubuhan Cina tempatan. Sebagai agenda utama dalam mesyuarat berkenaan, Penghulu Parit Jawa telah membacakan petisyen yang telah dihantar oleh penduduk kepada kerajaan.<sup>79</sup> Kandungan petisyen tersebut ialah mengenai rasa tidak puas hati orang Melayu mengenai penternakan khinzir berhampiran dengan petempatan orang Melayu. Dalam mesyuarat berkenaan, wakil dari pertubuhan orang Cina telah bersetuju untuk mengawal ternakan mereka dengan cara yang lebih teratur bagi mengelakkan rasa kurang senang dalam kalangan orang Islam.<sup>80</sup>

Pada 29 Mei 1949, mesyuarat telah diadakan oleh Penghulu Parit Jawa di Pertubuhan Cina, Parit Jawa yang dihadiri oleh pemimpin Melayu-Cina. Antara persetujuan yang dicapai ialah membentuk Skim Rukun Tetangga (*Neighbourhood Policing System*) bagi mengekalkan ketenteraman. Keputusan juga telah dicapai bagi melantik orang Cina sebagai ketua kampung di mukim yang majoriti penduduknya terdiri daripada orang Cina.<sup>81</sup>

Pada 10 Disember 1939, delegasi dari konsulat China telah dihantar oleh kerajaan China yang mengandungi tiga orang yang berketurunan Cina-Muslim ke Singapura. Misi tersebut dinamakan sebagai *Chinese Islamic South Asia Goodwill Mission*. Matlamat utama misi berkenaan ialah untuk membina hubungan baik di antara Cina-Muslim dengan bangsa lain dan menyebarkan propaganda anti-Jepun.<sup>82</sup> Hsu Heng Hsiung, Konsul China dalam satu ucapan di Kuala Kangsar pada 20 Oktober 1946, jam 10.00 pagi, telah menyeru kepada komuniti Cina agar melupakan perbezaan fahaman politik dan bersatu padu. Beliau telah melawat ke Sitiawan dan Taiping bersama dengan pemimpin Cina bagi meninjau keadaan orang Cina.<sup>83</sup> Li Chin salah seorang Konsul-Jeneral China tiba di Kuala Lumpur pada 6 September 1948 untuk melawat tahanan Cina di bawah undang-undang darurat.<sup>84</sup>

Haji Ibrahim Ma tiba di Ipoh pada 9 September 1948 dan merupakan konsul orang Cina yang pertama di Ipoh, Perak. Beliau telah menasihatkan orang Cina di Tanah Melayu bagi menubuhkan *Pan-Malayan Association*. Orang Cina juga dikehendaki menyokong usaha kerajaan sekiranya mereka bercita-cita menjadi warganegara Tanah Melayu. Beliau telah melawat ke Teluk Anson, Sabak Bernam, Ipoh, Sitiawan dan Batang Padang bagi menjelaskan isu tersebut. Haji Ibrahim Ma juga telah menyarankan penulisan buku mengenai Islam, penubuhan Kelab Antara Kaum (*Inter-Communal Clubs*), menggalakkan orang Cina agar kurang makan babi, mengelakkan provokasi kepada orang Melayu dengan panggilan syaitan dan melayan orang Melayu dengan adil dalam soal ekonomi. Bagi mengembalikan semula kepercayaan orang Melayu, beliau telah berbaik dengan pemimpin Melayu dan mula menghadiri majlis di masjid.<sup>85</sup> Ini diikuti pula oleh lawatan Konsul Cheng dari Melaka yang telah melawat ke daerah Segamat di Johor selepas berlakunya pergaduhan kaum. Beliau telah menerangkan mengenai kepentingan orang Cina menyokong kerajaan.<sup>86</sup>

## **Kompromi Politik Dato' Onn bin Jaafar**

Usaha dan kompromi politik oleh Dato' Onn bin Jaafar telah sedikit sebanyak berjaya menyelesaikan isu pergaduhan Melayu-Cina di Tanah Melayu.<sup>87</sup> Serangan balas di antara orang Melayu-Cina telah menyebabkan Johor mengalami ketegangan kaum yang buruk. Dalam saat kritikal, Dato' Onn bin Jaafar telah dilantik oleh Sultan Ibrahim sebagai Pegawai Daerah Batu Pahat dengan tugas utamanya untuk menamatkan kekacauan dan memulihkan keamanan di Batu Pahat.<sup>88</sup> Dalam ucapannya, beliau menyatakan bahawa perdamaian bukan sahaja untuk orang Melayu tetapi keseluruhan bangsa *Malayan*.<sup>89</sup> Beliau juga melahirkan kebimbangan kerana sentimen orang Cina akan menjadi anti-Islam.<sup>90</sup> Pada 21 Ogos 1945, jam 5.00 pagi, Dato' Onn bin Jaafar telah pergi ke Markas MPAJA di Bukit Pasir untuk bertemu dengan ketua tentera Bintang Tiga. Pertemuan itu telah diaturkan oleh Cikgu Jamil bin Markom. Turut sama dalam pertemuan ini ialah Embong Yahya. Satu perundingan di antara Dato' Onn bin Jaafar dengan pemimpin MPAJA diadakan di sebuah kedai kopi.<sup>91</sup> Dalam pertemuan



tersebut, ketua MPAJA telah bersetuju dengan saranan Dato' Onn bin Jaafar supaya berhenti menyerang kawasan perkampungan Melayu bagi memulihkan hubungan baik antara orang Cina dengan Melayu seperti sebelum tahun 1945. Walau bagaimanapun, persetujuan itu hanya diketahui antara Dato' Onn bin Jaafar dengan pemimpin MPAJA di Bukit Pasir sahaja.<sup>92</sup>

Perbincangan Dato' Onn bin Jaafar dengan Kiai Salleh bin Abdul Karim pada 22 Ogos 1945 telah berjaya. Beliau bersama dengan ketua masyarakat Cina dan ketua Bintang Tiga dibawa ke meja perundingan.<sup>93</sup> Satu perjumpaan telah diatur pada 23 Ogos 1945 di Dewan Perniagaan Cina, Jalan Rahmat, Johor. Pertemuan ini merupakan perundingan tiga penjurong yang paling berjaya diadakan.<sup>94</sup> Selepas daripada sesi rundingan, Kiai Salleh bin Abdul Karim terus ke Semerah dan Parit Jawa bagi mengumumkan pengisytiharan damai antara orang Melayu dan Cina. Pertemuan kali pertama telah dibuat pada 15 September 1945 oleh beliau dengan ketua Bintang Tiga di Tangkak. Pemimpin PKM dan Kiai Salleh bin Abdul Karim akur untuk mengadakan perdamaian selepas tiga hari berbincang. Walaupun telah berjanji tidak melakukan keganasan, namun perjanjian ini telah dicabuli oleh Bintang Tiga dengan melakukan lebih banyak keganasan.<sup>95</sup>

Kiai Salleh bin Abdul Karim telah mengadakan beberapa siri rundingan bersama orang Melayu dan buruh Cina bagi mencari resolusi ke arah perdamaian.<sup>96</sup> Di samping itu, mesyuarat gabungan antara pertubuhan Melayu dan Cina telah diadakan serta menampakkan kejayaan.<sup>97</sup> Proses memulihkan keamanan di daerah Batu Pahat merupakan antara usaha dan jasa Dato' Onn bin Jaafar yang paling besar. Walaupun hati beliau lega kerana berjaya menamatkan kekacauan untuk sementara waktu, tetapi usaha dan pemikiran beliau tidak terhenti setakat itu sahaja.<sup>98</sup> Komitmen yang telah ditunjukkan oleh beliau telah menyebabkan beliau menjawat jawatan sebagai pemangku Menteri Besar Johor berkuatkuasa 1 Oktober 1946.<sup>99</sup>

Pada 8 Julai 1948, atas inisiatif Dato' Onn bin Jaafar, satu persidangan telah diadakan di Johor Bahru dengan dihadiri lebih daripada 20 orang wakil kaum Cina dari seluruh Johor. Usaha yang telah dilaksanakan oleh Dato' Onn bin Jaafar telah membuahkan hasil. Wakil pertubuhan Cina Johor bersetuju bekerjasama dalam menghapuskan komunis dengan membentuk Pasukan Mata-mata Cina Khas.<sup>100</sup> Dalam usaha mengembalikan semula ketuanan Melayu, Dato' Onn bin Jaafar telah memberikan beberapa cadangan dalam mesyuarat yang telah diadakan pada 27 Oktober 1948 dan 2 November 1948. Antaranya ialah pelantikan orang Melayu sebagai Timbalan Pesuruhjaya Tinggi dan pemulihan ekonomi orang Melayu dengan geran bantuan sejumlah 10 juta<sup>101</sup> bagi penubuhan *Agricultural Loan Bank*.<sup>102</sup> Usaha beliau dalam mencadangkan pelantikan orang Cina dalam *Malayan Civil Service* (MCS),<sup>103</sup> dan "*the Malayanisation of the administrative service*" menunjukkan kesungguhan dalam memulihkan hubungan antara Melayu-Cina.<sup>104</sup> Beliau juga menyuarakan rasa tidak puas hati kepada polisi pengambilan kadet MCS dari United Kingdom yang menyekat peluang orang Melayu. Higham menjelaskan, terdapat 34 orang Melayu dalam MCS walaupun Dato' Onn Jaafar mendapati di Johor ramai bangsa Eurasia yang memegang jawatan dalam perkhidmatan negeri.<sup>105</sup>

Dato' Onn bin Jaafar juga melahirkan hasrat untuk bekerjasama dengan orang Cina dalam membanteras komunis dan menyatakan "*he was ready to offer 100 years of friendship if Britain would give the Malays their due*", sekiranya beberapa tuntutan bagi meningkatkan keadaan sosio-ekonomi orang Melayu dipenuhi.<sup>106</sup> Beliau telah memberikan peringatan

kepada ahli UMNO untuk mengetepikan fahaman perkauman bagi memupuk aspirasi politik bersama. Cadangan beliau dalam UMNO lebih kepada elemen memupuk perpaduan yang melibatkan pelbagai bangsa. Dalam Perhimpunan Agung UMNO ke-11 yang telah diadakan pada 28 Mei 1949 di Arau, Perlis, beliau telah mengkritik orang Melayu agar mula menjalin hubungan antara kaum. Perkara kedua yang perlu dilakukan oleh orang Melayu ialah mengikis semula sentimen perkauman. Menurut beliau, elemen keharmonian amat diperlukan bagi membangunkan tanah air. UMNO juga diharapkan sebagai sebuah parti yang boleh merealisasikan harapan negara.<sup>107</sup>

Dalam usaha mengembalikan keharmonian kaum, *Communities Liaison Committee* (CLC) dibentuk dengan matlamat bagi membentuk hubungan baik dan persefahaman di antara pelbagai kaum di Tanah Melayu.<sup>108</sup> Hasil pertemuan, telah melahirkan Jawatankuasa Muhibah Cina-Melayu (*Sino Malay Goodwill Committee*) yang bertujuan membolehkan pemimpin pelbagai kaum duduk membincangkan punca perselisihan antara kaum dan mencari jalan bagi membina keharmonian.<sup>109</sup> Jawatankuasa Muhibah itu kemudiannya ditukarkan kepada Jawatankuasa Perhubungan Kaum (*Communities Liaison Committee/CLC*) pada April 1949, berikutan penambahan ahli dari komuniti lain selain Melayu dan Cina. Keputusan ini diambil setelah diadakan perjumpaan CLC di Kuala Lumpur pada 19 April 1949. *Communities Liaison Committee* (CLC) dibentuk pada 9 Januari 1949 dan merupakan sebahagian daripada usaha yang dilaksanakan bagi menjalin semangat muhibah dan kerjasama antara kaum.<sup>110</sup>

Pergerakan Melayu Semenanjung Johor (PMSJ) ditubuhkan pada Jun 1946 di Batu Pahat, berikutan pergaduhan Melayu-Cina yang berlaku di Batu Pahat pada Mei hingga September 1945.<sup>111</sup> Pertubuhan politik ini bertujuan bagi menjaga kepentingan politik, kebajikan dan perpaduan dalam kalangan orang Melayu di Batu Pahat dan dipengerusikan oleh Dato' Onn bin Jaafar.<sup>112</sup> Dalam ucapannya, beliau telah mencadangkan agar orang Melayu bersatu dalam sebuah persatuan yang boleh menjaga kepentingan mereka.<sup>113</sup> Beliau telah memberikan jaminan bahawa PMSJ ialah badan yang menggalakkan kerjasama dan keharmonian antara kaum. Sebagai buktinya, beliau telah menjemput wakil orang Cina iaitu Ah Tien, seorang peniaga dan M.D. Hay, Pegawai Kanan Perkara Negeri Johor duduk bersama beliau di atas pentas yang disediakan.<sup>114</sup> Menjelang awal Mac 1946, keahlian PMSJ berjumlah seramai 125,000 orang.<sup>115</sup>

Pengenalan Malayan Union juga telah memberikan kelebihan kepada orang bukan Melayu menjadi warganegara. Seramai 730,000 orang sedang berada dalam proses mendapatkan kerakyatan pada tahun 1950. Orang Melayu bersedia memberikan sebahagian daripada hak mereka kepada orang bukan Melayu berdasarkan kepada perjanjian tahun 1948.<sup>116</sup> *The Pan-Malayan Council of Action* ditubuhkan pada 22 Disember 1946 dengan matlamat untuk menyatukan penduduk di Tanah Melayu dan Singapura. Di samping itu, bagi menyediakan negara ke arah berkerajaan sendiri dan menuntut hak kerakyatan yang sama bagi penduduk yang menganggap Tanah Melayu sebagai tanah air mereka.<sup>117</sup> CLC telah sebulat suara melahirkan cadangan untuk memperbaiki kerakyatan Persekutuan Tanah Melayu. CLC juga bersetuju bahawa penduduk yang menganggap Tanah Melayu sebagai tempat tinggal tetap dan menumpukan taat setia kepada negara, layak memperoleh hak kewarganegaraan Persekutuan Tanah Melayu.<sup>118</sup>

UMNO ditubuhkan oleh orang Melayu kesan daripada bantahan terhadap rancangan *Malayan Union*. Dalam satu kongres yang telah diadakan di Johor Bahru pada 11 hingga 13 Mei 1946, Dato' Onn bin Jaafar telah dilantik sebagai presiden

dan seterusnya menjadi wakil bagi menyuarakan bantahan orang Melayu mengenai Malayan Union di London.<sup>119</sup> Cadangan pembentukan Malayan Union melalui Kertas Putih (*White Paper*) menjadi salah satu faktor pemangkin kepada kemunculan parti politik Melayu. Antara Disember 1945 hingga Januari 1946, terdapat pertumbuhan parti politik Melayu yang menuntut dan mempertahankan hak istimewa mereka.<sup>120</sup> Dalam sepucuk surat, Dato' Onn bin Jaafar mencadangkan satu kongres bagi membincangkan soal Malayan Union itu diadakan di Melaka. Satu pertubuhan yang dinamakan *United Malays Organization* (UMO) ditubuhkan sebagai badan pendesak. Bagi Dato' Onn bin Jaafar, kongres dan persatuan ini penting bagi seluruh keturunan Melayu.<sup>121</sup>

Dalam Kongres 1946, beberapa resolusi telah dibuat dan dihantar ke Pejabat Tanah Jajahan sebagai bantahan bertulis orang Melayu secara kolektif. Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PEKEMBAR) atau UMNO yang telah dibentuk pada 11 Mei 1946 menjadi perintis kepada perkembangan parti politik Melayu yang lain. *Malayan Union* menyebabkan lahirnya UMNO yang kemudian menjadi tulang belakang politik orang Melayu. Kelahiran UMNO adalah hasil cetusan semangat kebangsaan orang Melayu dalam memperjuangkan kepentingan dan hak mereka di bawah rancangan *Malayan Union*.<sup>122</sup> *Pan-Malayan Malay Congress* telah diadakan di Kuala Lumpur pada 1 hingga 4 Mac 1946 yang melibatkan sejumlah 41 buah persatuan Melayu. Matlamat utama kongres berkenaan ialah untuk membentuk organisasi pusat bagi semua kesatuan Melayu dan menghapuskan sentimen perkauman. Dato' Onn bin Jaafar telah mencadangkan agar kesatuan pusat tersebut dinamakan sebagai *United Malays Organisation*.<sup>123</sup>

Kempen membantah Malayan Union telah menjadikan gerakan Melayu lebih tersusun dan membawa kepada kelahiran UMNO. Pembentukan *United Malay National Organisation* (UMNO) pada tahun 1946, *Malayan Chinese Association* (MCA) pada tahun 1949 dan *Malayan Indian Congress* (MIC) pada tahun 1946 dilihat sebagai sebahagian daripada usaha menjaga kebajikan setiap kaum.<sup>124</sup> Fokus utama perbincangan ialah untuk membentuk kerajaan atau pemerintahan akan datang di Tanah Melayu.<sup>125</sup>

Persekutuan Malaya merupakan suatu keunikan dalam perjuangan UMNO yang tidak memfokuskan kepada orang Melayu semata-mata tetapi merentas sempadan ras dan bangsa. Pemimpin parti politik seperti Tan Cheng Lock dan E.E.C. Thuraisingam telah memainkan peranan aktif dalam memberikan kesedaran kepada komuniti mereka. Dato' Onn bin Jaafar mencadangkan agar keahlian UMNO dibuka kepada orang bukan Melayu. Di samping itu, kelonggaran dari segi keahlian akan menyebabkan hubungan antara tiga etnik besar iaitu Melayu, Cina dan India dapat diperkukuhkan. Walau bagaimanapun, hasrat Dato Onn bin Jaafar untuk menjadikan UMNO sebagai sebuah parti yang bukan berbau perkauman tidak tercapai.

Persediaan Dato' Onn bin Jaafar dalam memulihkan dan mengembalikan keharmonian kaum dapat dibuktikan apabila beliau menyokong penubuhan *Malayan Chinese Association* (MCA) oleh pemimpin Cina. Penubuhan MCA digalakkan oleh British dengan harapan dapat mengalihkan perhatian orang Cina daripada PKM.<sup>126</sup> Oleh yang demikian, orang Cina dapat disatukan di bawah MCA dan membantu kerajaan menghadapi ancaman komunis.<sup>127</sup> Pada 29 Disember 1948, satu perjumpaan di antara orang Melayu dan Cina telah diadakan di Johor Bahru. Dato' Onn bin Jaafar telah menyatakan objektif penubuhan MCA adalah bagi tujuan "*to co-operate with the Malays to build a new nation*". Dengan itu tidak ada alasan bagi orang Melayu untuk menentang cadangan penubuhan MCA.<sup>128</sup> Penubuhan *Malayan Chinese Association* (MCA) pada 27

Februari 1949 di Kuala Lumpur telah menjadi wadah politik bagi orang Cina. MCA berada di bawah kepimpinan Tan Cheng Lock, Leong Yew Koh dan T.H. Tan.<sup>129</sup>

Jumlah keahlian MCA pada tahun 1950-an mencecah 160,000 orang yang didominasi oleh golongan pertengahan Cina.<sup>130</sup> Hasrat untuk menyatukan semua peringkat kelas orang Cina giat dilaksanakan bagi mengelakkan kumpulan petani dan buruh Cina berkiblatkan tanah air mereka. Pakatan UMNO-MCA lebih meyakinkan kerana UMNO lebih mudah bertolak ansur dengan MCA. Perikatan UMNO-MCA-MIC pada Oktober 1954 merupakan langkah bagi memulihkan hubungan kaum di Tanah Melayu.<sup>131</sup> Dato' Onn bin Jaafar mahukan MCA menjadi lebih kuat daripada PKM dan menyediakan masyarakat Cina dengan suatu alternatif kepada fahaman komunis. Sentimen anti-Dato' Onn bin Jaafar oleh pemimpin UMNO dan MCA telah menjadi suatu pendorong bagi pembentukan perikatan dua parti itu. *Malayan Indian Congress* (MIC) ditubuhkan pada Ogos 1946 di Kuala Lumpur dengan matlamat untuk menyatukan orang India dan mengelakkan segala bentuk perselisihan faham dalam masyarakat pelbagai kaum. Kemerdekaan menjadi teras utama perjuangan mereka. Oleh yang demikian, minat dan kecenderungan orang India terhadap politik Tanah Melayu disuburkan. Sistem Ahli pada tahun 1951 dan pilihanraya 1955 merupakan asas dasar bangsa Malayan bersatu. Pendirian baru pemimpin UMNO, MCA dan MIC telah menyebabkan parti itu memasuki fasa baru iaitu daripada parti yang berasaskan kaum kepada parti yang memperjuangkan politik antara kaum walaupun ciri perkauman ketiga-tiga parti itu masih dikekalkan dan terus diperjuangkan terutama oleh pemimpin peringkat bawahan.<sup>132</sup>

## **Pendekatan Bersifat Penguatkuasaan**

Tindakan yang dilakukan daripada aspek perundangan, merupakan sebahagian usaha segera British dan pemimpin Melayu-Cina menghentikan pergaduhan Melayu-Cina. Tindakan pertama yang telah dilakukan oleh *Senior Civil Adviser Officer* (SCAO) ialah, mengeluarkan arahan agar pihak keselamatan menjalankan pemeriksaan dari rumah ke rumah dalam jarak 5 batu radius di kawasan Bekor, Bekor Tanjong,<sup>133</sup> Manong dan Parit bagi merampas peralatan senjata orang Melayu kecuai yang digunakan untuk tujuan pertanian dan tidak berbahaya.<sup>134</sup> Arahan ini diguna pakai di daerah yang berhampiran dan merangkumi ke seluruh negeri Perak. Parang dan tombak juga dirampas di daerah Bruas.<sup>135</sup> Arahan juga dikeluarkan oleh BMA kepada polis di daerah Dinding, Perak bagi menjalankan pemeriksaan dari rumah ke rumah untuk menjalankan kutipan dan penyerahan segala bentuk senjata. Orang Melayu hanya dibenarkan menyimpan parang yang tidak melebihi 15 inci dan tidak diasah di kedua bahagian mata parang bagi kerja pertanian.<sup>136</sup> Tindakan BMA telah menimbulkan kemarahan dalam kalangan orang Melayu.<sup>137</sup>

Keadaan yang semakin terancam menyebabkan penglibatan secara menyeluruh golongan rakyat dalam mengekalkan keamanan.<sup>138</sup> Berikutan pergaduhan Melayu-Cina di Batu Malim, Raub, Sultan Pahang telah meminta bantuan daripada penghulu dan Datok Setialela memberi nasihat serta mendamaikan orang Melayu dan Cina di Batu Talam.<sup>139</sup> Baginda juga telah menyeru Penghulu Batu Talam dan pegawai British menjalankan ikhtiar bagi memulihkan keamanan di kawasan berkenaan.<sup>140</sup> Penasihat Kanan Hal Ehwal Kuala Lipis dan Penghulu Batu Malim, Raub, diarahkan menghentikan segera ajaran serta pengamalan ilmu kebal.<sup>141</sup>

Di negeri Perak, satu jawatankuasa pemulihan telah diwujudkan bagi menjaga kebajikan dan keselamatan mangsa yang terlibat dalam pergaduhan Melayu-Cina selepas Jepun menyerah kalah. Jawatankuasa ini berperanan membekalkan pakaian dan makanan kepada mangsa tanpa mengira kaum.<sup>142</sup> Orang Melayu dan Cina diasingkan untuk sementara waktu bagi mengendurkan sentimen perkauman. Dalam usaha BMA menjamin keselamatan awam, anggota kawalan keselamatan seperti polis dan tentera ditempatkan di kawasan dan mukim berlakunya pergaduhan Melayu-Cina. Bagi mengelakkan masalah kebuluran dalam kalangan pelarian, pada awal bulan Oktober sehingga November 1945, seramai 175 orang Islam, 200 orang India dan 250 orang Cina telah diberikan makanan percuma setiap hari.<sup>143</sup> Pusat penyediaan makanan ditempatkan di rumah ibadat agama masing-masing bagi mengelakkan perasaan takut. BMA juga telah mengagihkan bekalan beras secara percuma kepada penduduk di sekitar dalam dan luar Teluk Anson.<sup>144</sup>

Langkah awal BMA bagi mengenal pasti pembelot dan juga individu yang mencetuskan pergaduhan telah menimbulkan rasa tidak puas hati di antara orang Melayu dan Cina. BMA terus melakukan tangkapan tanpa menjalankan penyiasatan yang rapi. Dalam hal ini, ramai orang Melayu yang telah ditangkap tanpa soal siasat. Dr. Megat Khas, Presiden *The Perak Malay League, Lower Perak Branch* telah menghantar surat bantahan kepada CAO Perak di Teluk Anson pada 21 Mac 1946.<sup>145</sup> Pada 29 Januari 1946 sepucuk surat telah dihantar kepada Pegawai Daerah Hilir Perak mengenai ancaman keselamatan di Pulau Besar, Mukim Pasir Panjang Hulu.<sup>146</sup> Orang Melayu yang mempunyai kebun di daerah Sungai Galah, Mukim Kampung Gajah berhampiran dengan Changkat Tin menghadapi masalah untuk mengerjakan kawasan pertanian kerana disekat oleh orang Cina yang lengkap bersenjata.<sup>147</sup> Surat petisyen dihantar oleh penduduk dari Kampung Sungai Tiang, Sungai Baharu dan Sungai Lancang Mukim Rungkup.<sup>148</sup> Penduduk kampung juga terpaksa berpindah ke tempat lain kerana diganggu oleh orang Cina. Mereka juga menyekat orang Melayu selama hampir sebulan daripada menangkap ikan di laut.<sup>149</sup> Ancaman orang Cina di Sungai Tiang menyebabkan penduduk kampung meminta BMA menempatkan tentera yang beragama Islam bagi membantu kumpulan tentera yang sedia ada. Hal ini kerana mereka terpaksa memberikan tumpuan menjaga keselamatan penduduk kampung.<sup>150</sup>

BMA telah menubuhkan *War Crimes Investigation Team* (WCIT) di Johor pada pertengahan tahun 1945. Pemimpin kaum Cina telah dipanggil bagi memberikan bukti tali barut yang telah menganiaya mereka ketika pendudukan Jepun. Pada penghujung tahun 1946, orang Cina di Batu Pahat telah menyediakan sebuah rekod mengenai maklumat pemerintahan Jepun.<sup>151</sup> Pada tahun 1946, individu yang disyaki terlibat dalam pergaduhan Melayu-Cina mula dihadapkan ke mahkamah.<sup>152</sup> WCIT tiba di Johor Bahru pada 3 Mei 1946 dengan membawa bersama gambar *Kempeitai* Jepun yang menjalankan pemerintahan di Johor. Unit ini telah bergerak hampir ke seluruh negeri Johor bagi mengumpulkan maklumat mengenai kekejaman ketika pemerintahan Jepun.<sup>153</sup>

Pada 19 Jun 1946, *Batu Pahat Chinese Victim's Committee* telah ditubuhkan di Batu Pahat dan dipengerusikan oleh Liam Tung Seng. Jawatankuasa yang dibentuk berperanan mengumpul bukti mengenai kekejaman tentera Jepun.<sup>154</sup> Mesyuarat telah diadakan di Dewan Perniagaan Cina, Batu Pahat. Jawatankuasa ini dilihat sebagai salah satu wadah bagi meredakan ketegangan hubungan Melayu-Cina. Pada 8 Mac 1946, seramai 26 orang Melayu telah ditangkap dan dihadapkan ke Mahkamah Tinggi. Mereka dituduh mencetuskan pergaduhan Melayu-Cina di Padang Lebar, Kuala Pilah

pada 6 November 1945.<sup>155</sup> Kesemua yang dituduh disyaki terlibat sebagai ahli dalam pertubuhan yang tidak sah dan menyebabkan pembunuhan ke atas orang Cina.<sup>156</sup> Dewan Perniagaan Cina Bentong, Pahang telah mengemukakan bantahan kepada Gabenor Malayan Union kerana mengenakan hukuman mati ke atas sembilan orang Cina yang disyaki terlibat dalam insiden di Bekor pada 6 Mac 1946.<sup>157</sup>

Menggerakkan pasukan keselamatan merupakan tugas pertama yang telah dilaksanakan oleh British sekembalinya mereka ke Tanah Melayu.<sup>158</sup> Bilangan anggota pasukan keselamatan ditambah, dan menjelang tahun 1948 bilangan belia Melayu dalam *Special Constables (Constabulary)* dan polis bantuan ialah seramai 24,000 orang.<sup>159</sup> Keanggotaan orang Cina dalam polis bantuan sehingga 1 Oktober 1948 ialah seramai 1,440 orang.<sup>160</sup> Pengambilan orang Cina ke dalam *Special Constables* merupakan sebahagian daripada usaha membendung prasangka dan mengembalikan keharmonian kaum.<sup>161</sup> Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Negeri yang telah diadakan pada 7 Jun 1945, isu mengenai pembentukan pasukan keselamatan (*Self Defence Corps*) dan pembentukan *Gun-tai* dan polis telah diberikan perhatian khusus.<sup>162</sup>

Orang Melayu juga telah banyak berkorban dalam mempertahankan Tanah Melayu. Terdapat di antara mereka yang membentuk pasukan Wataniah di Pahang, Askar Stia Melayu (Askar Melayu Setia) yang beroperasi di Kedah dan bahagian Hilir Perak dan sekumpulan orang Melayu di hutan Kelantan.<sup>163</sup> Propaganda ketika darurat dengan menggalakkan masyarakat menyertai polis khas, polis bantuan dan lain-lain menunjukkan sebahagian daripada kejayaan British memulihkan keamanan.<sup>164</sup> Seramai 300 orang daripada pelbagai kaum telah menyertai polis khas, dan 2,000 orang lagi menyertai polis bantuan di Terengganu.<sup>165</sup>

Dato' Onn bin Jaafar ketika persidangan Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan yang diadakan pada 31 Mei 1948, mendesak kerajaan memberi segala kuatkuasa kepada pihak polis bagi menjaga dan mengekalkan keamanan serta ketenteraman negara. Beliau juga menuntut supaya kerajaan melaksanakan undang-undang buang negeri selama-lamanya terhadap mereka yang menyebarkan fahaman komunis di Tanah Melayu.<sup>166</sup> Kempen Bulan Rakyat Melawan Penjahat telah diisytiharkan oleh Sir Henry Gurney dalam Majlis Perundangan Persekutuan pada 22 Disember 1949. Kempen ini merupakan gerakan sukarela bagi orang ramai dari semua lapisan masyarakat supaya menggabungkan tenaga bagi membantu kerajaan menentang komunis.<sup>167</sup> Undang-undang Darurat telah diisytiharkan pada 16 Jun 1948 di Perak, Johor dan seterusnya pada 18 Jun 1948 di seluruh Tanah Melayu bagi membanteras komunis yang telah banyak menimbulkan kekacauan di negara ini.<sup>168</sup> Usaha ini merupakan sebahagian daripada cara kerajaan menangani ancaman komunis di Tanah Melayu.

## **Permuafakatan Ekonomi**

Orang Melayu terpaksa menerima tindakan pemboikotan ekonomi oleh orang Cina dalam tempoh masa mengembalikan keharmonian kaum. Pertubuhan Cina bukan sahaja berperanan sebagai orang tengah dalam perdamaian malah menggalakkan orang Cina meningkatkan pengeluaran tanaman makanan.<sup>169</sup> Tan Poh Aun, Presiden *The Chinese Association Lower Perak* telah membentuk sebuah Jawatankuasa Muhibbah (*Goodwill Mission*). Jawatankuasa ini diwakili oleh beliau sendiri, Raja Musa dan Mustafa Al-Bakeri.<sup>170</sup>

Jawatankuasa Muhibbah telah mengadakan lawatan ke seluruh negeri Perak dan memberikan penerangan kepada masyarakat mengenai keperluan untuk mengembalikan persahabatan dan hubungan baik dalam kalangan semua kaum.<sup>171</sup> Beberapa perundingan daripada aspek ekonomi juga telah disuarakan oleh Tan Poh Aun. Antara lainnya menyentuh mengenai harta orang Cina yang telah ditinggalkan oleh mereka ketika berlaku pergaduhan di Sungai Manik. Major R.C. Rose dalam sepucuk surat bertarikh 19 Oktober 1945, menyatakan mengenai beberapa kelonggaran yang diberikan oleh BMA kepada orang Cina bagi menguruskan harta mereka yang telah ditinggalkan di Sungai Manik. Orang Cina dibenarkan balik ke kawasan penanaman padi di Sungai Manik untuk sementara waktu. Mereka dikehendaki meninggalkan tanah pertanian selepas daripada musim menuai pada bulan Februari 1946.<sup>172</sup>

Orang Cina yang mempunyai harta benda lain di kawasan Tanah Rizab Melayu, Sungai Manik perlu meninggalkan juga harta mereka selepas daripada tarikh yang sama. Walau bagaimanapun, BMA memberikan kebenaran kepada orang Cina untuk kembali semula dan menetap di tanah atau petempatan mereka yang bukan diklasifikasikan sebagai Tanah Rizab Melayu. BMA melalui *P.W.D. and Drainage & Irrigation Department* telah membangunkan kawasan petempatan semula orang Cina. Kawasan penanaman padi di Changkat Jong dibangunkan dengan tujuan membantu orang Cina memiliki tanah dan perniagaan secara kecil-kecilan.<sup>173</sup>

BMA juga menggalakkan pengeluaran bahan makanan. Tanah Rizab Melayu telah dikhaskan kepada orang Melayu bagi mengekang manipulasi orang Cina.<sup>174</sup> Orang Cina yang melarikan diri ketika perang mula menunjukkan minat untuk kembali semula ke Tanah Melayu.<sup>175</sup> Di kawasan hutan simpan Jerantut, Pahang, kawasan seluas 18 ekar telah diusahakan oleh orang Cina sejak Mei 1945.<sup>176</sup> Sebanyak 25,204 Lesen Pendudukan Sementara (TOL) telah dikeluarkan dengan keluasan tanah pertanian berjumlah 58,372 ekar pada awal bulan Januari 1946.<sup>177</sup> Kawasan tanah seluas 8,469 ekar telah dibuka bagi tujuan pertanian dan pengeluaran bahan makanan. Di samping itu, bantuan benih padi juga telah dibekalkan oleh BMA.<sup>178</sup> Rancangan pertanian ini telah berjaya dilaksanakan di daerah Segamat, Johor.<sup>179</sup>

Di kawasan Sungai Manik, Peringkat IV, tanah pertanian telah dibuka bagi meningkatkan pengeluaran tanaman makanan khususnya padi. Kawasan seluas 4,000 ekar telah dibuka di Tanjung Karang dan 5,000 ekar di kawasan Kuala Selangor pada bulan Jun 1946.<sup>180</sup> Buruh Jawa dibawa masuk bagi mengusahakan kawasan penanaman padi. Kerajaan juga menyediakan kemudahan rumah, kawasan untuk bercucuk tanam, bantuan biji benih, racun dan perubatan.<sup>181</sup> Tanah seluas 4,000 ekar yang dikategorikan sebagai belukar telah diwartakan kepada orang Melayu di Sungai Manik untuk diusahakan penanaman padi. Kawasan tersebut dilengkapi dengan kemudahan sistem pengairan. Sebanyak 500 lot bendang yang setiap satu lot mengandungi enam ekar dibuka bagi permohonan.<sup>182</sup> Orang Cina telah ditempatkan semula di Changkat Jong sebagai salah satu usaha bagi menjamin keselamatan.<sup>183</sup> PTB juga telah menyediakan enam buah rumah tumpangan sementara bagi orang Cina yang akan didiami oleh seramai 50 orang.<sup>184</sup> Mereka juga telah diberikan tanah bagi tujuan bercucuk tanam.<sup>185</sup> Bermula 8 Mac 1946, 95 peratus orang Cina dari kawasan perkampungan terpencil telah berpindah ke pekan Bagan Datoh dan Teluk Anson.<sup>186</sup>

Masa depan industri getah dan buruh di Tanah Melayu telahpun dibincangkan oleh ahli *Rubber Growers Association* dalam mesyuarat yang telah diadakan pada 6 Disember 1944 di Pejabat Kolonial.<sup>187</sup> Antara intipati utama yang dicapai ialah "*rubber*

*industry forms the life-blood of Malaya*".<sup>188</sup> Pemodal dan pelabur dalam industri getah di Tanah Melayu mengalami masalah kekurangan pekerja khususnya buruh muda, kekurangan jentera dan kos pemulihan yang tinggi akibat daripada dasar bumi hangus Jepun.<sup>189</sup> Mr. Barlow, Pengerusi *Rubber Growers Association* mencadangkan buruh India digantikan dengan buruh Jawa bagi mengelakkan pergantungan kepada penggunaan buruh India semata-mata.<sup>190</sup> Perbincangan tidak rasmi telah dilakukan oleh Mr. Hake dengan Dr. Van Mook yang mewakili kerajaan Belanda di Indonesia bagi membawa masuk buruh dari kawasan Kepulauan Jawa yang mengalami kepadatan penduduk yang tinggi.<sup>191</sup> Kolonel Oliver Stanley telah memberikan jaminan bahawa British dan sekutunya akan datang bagi memulihkan industri getah dan bijih timah di Tanah Melayu selepas perang tamat.<sup>192</sup>

Bagi pemilik Lesen Pendudukan Sementara (TOL), arahan telah dikeluarkan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Kangsar, bagi memperbaharui lesen mereka.<sup>193</sup> Industri bijih timah yang berpotensi untuk menyumbang pendapatan yang besar kepada British dipulihkan dengan segera selepas perang.<sup>194</sup> *Rubber Buying Unit* mula menjalankan tindakan membeli stok getah dan memulihkan ladang getah. Inisiatif tersebut sedikit sebanyak akan mengurangkan kesusahan orang Melayu di kawasan pedalaman.<sup>195</sup> Bagi memulihkan industri perlombongan, British memberikan bantuan kepada pemodal Cina dan Eropah.<sup>196</sup>

Satu jawatankuasa yang dinamakan sebagai *Central Economic Council* dibentuk. Matlamat utamanya ialah untuk mengesan punca kemunduran orang Melayu daripada aspek ekonomi dan mencadangkan langkah pemulihan.<sup>197</sup> Dalam usaha memulihkan kedudukan ekonomi orang Melayu, Dato' Onn bin Jaafar telah memohon geran percuma sebanyak \$10,000,000 bagi rancangan lima atau sepuluh tahun. Pemberian geran ini akan dapat menyeimbangkan jurang ekonomi antara orang Cina dan India, seterusnya akan membawa kepada persaingan ekonomi yang sihat.<sup>198</sup>

Bagi membantu meningkatkan ekonomi, *Pan Malayan Economic Council* ditubuhkan bagi mengembalikan kekuatan ekonomi orang Melayu.<sup>199</sup> *New Food Control Regulation* diisytiharkan bagi mengawal harga bahan makanan yang mulai sukar diperolehi. Penguatkuasaan peraturan ini telah bermula sejak bulan Januari 1946.<sup>200</sup> Masalah kekurangan makanan berkhasiat selepas perang telah menyebabkan penubuhan *Malayan Nutrition Council*. Bermula 14 Januari 1946, beberapa kelonggaran telah diberikan oleh BMA bagi menangani permasalahan rakyat yang mengalami kekurangan bahan makanan.<sup>201</sup> Bagi menampung pengeluaran bahan makanan *Female Cattle Export And Slaughter Enactment 1934* telah diperkenalkan.<sup>202</sup> Polis telah digunakan oleh British bagi memastikan ketenteraman awam terkawal. Keadaan ini membolehkan penanaman bahan makanan dijalankan tanpa gangguan daripada anasir subversif seperti komunis.<sup>203</sup> *The All-Malaya Peasant's Union* telah mengadakan persidangan pertama bermula 6 hingga 10 Julai 1947 di *Queen's Theatre*, Kajang, Selangor bagi membincangkan masalah kekurangan makanan selepas perang dan langkah bagi mengatasinya.<sup>204</sup>

CLC juga telah mencadangkan kepada kerajaan penubuhan sebuah organisasi untuk memberi bantuan ekonomi dan kebajikan kepada orang Melayu.<sup>205</sup> RIDA telah ditubuhkan hasil daripada perjuangan Dato' Onn bin Jaafar.<sup>206</sup> Dato' Onn bin Jaafar mendesak penubuhan RIDA yang bertujuan untuk memajukan sosio ekonomi orang Melayu.<sup>207</sup> Beliau berusaha membangunkan semangat orang Melayu dengan melaungkan gerakan "mahu menolong diri sendiri".<sup>208</sup> Peruntukan sebanyak lima juta ringgit telah diberikan kepada RIDA untuk menjalankan kegiatannya.<sup>209</sup>



## Kerjasama Sosial

Pembentukan jawatankuasa bantuan di peringkat tempatan (*Local Relief Committee*) menyebabkan penduduk tempatan dilibatkan dalam usaha mengembalikan keamanan dan keharmonian kaum. Mangsa yang terlibat dalam usaha perpindahan dan penempatan semula terdiri daripada penduduk yang terlibat dan juga orang awam yang turut sama menerima kesan daripada pergaduhan Melayu-Cina. Usaha ini telah dilaksanakan mulai Disember 1945. Penduduk dari daerah Muar telah dipindahkan ke Kem Muar. Seramai 2,859 orang terdiri daripada lelaki, 2,368 perempuan dan 2,758 pula terdiri daripada kanak-kanak. Jumlah keseluruhan pelarian yang telah ditempatkan di kem berkenaan ialah seramai 7,985 orang. Jumlah pelarian yang telah diberi bantuan dan ditempatkan di Parit Jawa ialah seramai 560 orang lelaki, 398 orang perempuan dan 487 orang kanak-kanak. Jumlah keseluruhan mangsa pula ialah seramai 1,445 orang. Bagi daerah Batu Pahat pula, seramai 500 orang pelarian telah dipindahkan.<sup>210</sup> Sebanyak lapan daerah di negeri Johor telah diberi bantuan oleh pihak berkuasa British.<sup>211</sup> Jumlah keseluruhan mangsa yang telah dipindahkan dan diberi bantuan sehingga bulan Disember 1945 ialah seramai 10,593 orang. Daripada jumlah tersebut, 3,974 terdiri daripada lelaki, 2,816 perempuan dan 3,303 orang kanak-kanak.<sup>212</sup>

BMA juga telah menjalankan usaha bagi membina ratusan rumah yang rosak di Muar dan Batu Pahat. Bagi kawasan Muar, Leftenan Kolonel Hicks telah menyediakan program bagi membina semula rumah yang terjejas.<sup>213</sup> Peruntukan kewangan sebanyak \$97,300 telah diberikan oleh *Controller of Finance and Accounts* (CFA) bagi rancangan ini. Sebanyak \$25,000 diperuntukkan bagi pembinaan semula kediaman dengan anggaran sebanyak \$50 setiap rumah. Sebanyak \$15,000 telah disalurkan oleh pengawal kewangan dari akaun *Controller of Finance and Accounts* bagi membina semula rumah pelarian Cina di Parit Jawa.<sup>214</sup> Penghulu dan orang Melayu telah berjanji bagi membina semula rumah kediaman orang Cina. BMA telah menasaskan tempoh masa tiga bulan bagi menyelesaikan masalah perumahan pelarian Cina. BMA juga telah memberikan tanggungjawab membina rumah kediaman secara kontrak kepada penghulu ataupun individu lain bagi meminimumkan kos pembinaan. Kos keseluruhan bagi membina rumah kediaman ini dianggarkan berjumlah \$100,000 atau lebih. Menjelang bulan Mac 1946, bilangan pelarian Cina yang masih tinggal di Muar ialah seramai 1,300 orang. Sebahagian besar daripada orang Cina yang tinggal di Muar telah kembali ke petempatan asal mereka.<sup>215</sup>

BMA mula menghantar kumpulan orang Cina balik ke petempatan mereka yang tidak musnah pada 8 November 1945.<sup>216</sup> Seramai 200 orang pelarian Cina telah meninggalkan Muar dan pulang semula ke petempatan asal mereka.<sup>217</sup> Pelarian Cina yang dihantar pulang ke petempatan asal mereka dibekalkan dengan makanan, pakaian dan lain-lain keperluan asas bagi memulakan kehidupan baru.<sup>218</sup> *Indian Red Cross* merupakan organisasi pertama yang menyalurkan bantuan perubatan dan pakaian di kawasan Asia Tenggara serta diikuti pula oleh British, Australia, organisasi bersekutu dan juga *American Red Cross*. *A Controller of Relief Stores* telah dilantik bagi pihak *Welfare Council for Malaya* bagi menyalurkan bantuan daripada *Australian Red Cross*. Pihak tersebut telah menyalurkan sebanyak 4,500 tan bantuan dan bantuan pakaian daripada Lady Wavell. Bantuan pakaian ini telah dibawa dari India ke Tanah Melayu.<sup>219</sup>

Menjelang tahun 1946 hingga 1947, akhbar berbahasa Melayu dan Cina di Tanah Melayu lebih menyiarkan berita positif dan tidak bermotifkan provokasi. Langkah ini

merupakan sebahagian daripada usaha bagi membina keharmonian kaum. Jabatan Penyiaran juga memainkan peranan aktif dalam memberikan maklumat kepada masyarakat melalui saluran seperti televisyen, radio dan radio gelombang pendek. Antara program yang menjadi prioriti ialah berita, hiburan, pendidikan dan program yang bercorak komersial.<sup>220</sup> Bagi menghapuskan propaganda komunis di Tanah Melayu, British telah mengharamkan filem yang diimport dari Russia.<sup>221</sup> Pada 24 Februari 1944, *Supreme Allied Commander* telah membentuk *British Psychological Warfare Division* bagi menjalankan perang psikologi dan propaganda. Propaganda British meliputi media seperti ceramah, risalah, akhbar, risalah bergambar dan juga badan penyiaran.<sup>222</sup> Propaganda dan perang saraf diperhebatkan lagi pada tahun 1948 dengan perisytiharan darurat.<sup>223</sup> Bagi menjamin keharmonian yang berkekalan, orang Cina di Perlis telah membentuk kelab pada Disember 1945 bagi memudahkan orang Melayu-Cina bekerjasama dalam komuniti.

## Kesimpulan

Peranan British, pemimpin tempatan Melayu-Cina dan golongan intelegensia Melayu dalam mencari penyelesaian untuk mewujudkan keharmonian antara kaum di Tanah Melayu tidak dapat dinafikan. Dato' Onn bin Jaafar berpendapat, masalah perkauman dapat diatasi melalui kerjasama politik antara kaum. Darurat juga telah merumitkan lagi masalah hubungan kaum di Tanah Melayu. Usaha bagi memulihkan keamanan khususnya oleh BMA tidak berjaya secara keseluruhannya. Campur tangan dan penglibatan daripada semua, termasuk pemimpin setiap kaum dan Raja-raja Melayu ternyata membuahkan hasil. Orang Melayu agak sukar untuk menerima perdamaian pada peringkat awal kerana masih teringat seksaan dan tekanan komunis. Oleh yang demikian, usaha yang dibuat oleh BMA pada peringkat awal dilihat tidak ikhlas dalam menjalin kembali hubungan baik antara kaum. Justeru itu BMA memerlukan sokongan daripada ketua, pembesar dan juga sultan agar orang Melayu yang terkenal dengan rasa taat setianya dapat menghentikan pergaduhan bagi kepentingan sejagat.

BMA telah melaksanakan banyak langkah dalam menangani isu pergaduhan Melayu-Cina dan mengembalikan keharmonian kaum. Di sudut politik, penubuhan jawatankuasa keamanan sedikit sebanyak dapat mengembalikan keharmonian kaum. Tindakan perundangan seperti merampas senjata orang Melayu dilihat sebagai reaksi drastik yang lebih merumitkan keadaan. Penempatan semula orang Cina dan pembukaan kawasan pertanian baru dapat menyelesaikan banyak tuntutan ekonomi oleh kedua kaum. Dilihat dari aspek sosial pula, penempatan secara terancang melalui pembukaan Kampung Baru ternyata memberikan impak negatif dalam jangka masa panjang. Ternyata kesedaran intelegensia Melayu, sedikit sebanyak dapat menyelamatkan keadaan, walaupun kesannya banyak menjejaskan orang Melayu itu sendiri. Kesan yang paling mendalam sekali yang dirasakan oleh orang Melayu ialah kehilangan keluarga dan juga sanak-saudara. Selain daripada itu, hubungan antara Melayu-Cina terus menjadi renggang.

## Nota

- <sup>1</sup> Mohamed Ali Haniffa merupakan seorang pelajar Ijazah Kedoktoran di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- <sup>2</sup> Mohammad Redzuan Othman merupakan seorang profesor merangkap dekan di Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya
- <sup>3</sup> Ho Hui Ling merupakan seorang pensyarah kanan di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- <sup>4</sup> *Berita Harian*, 1 Jun 2010, hlm. 27.
- <sup>5</sup> Zainal Abidin b. Abdul Wahid, 2008. Kerajaan Melaka Dalam Hubungan Antarabangsa, dalam *Polemik Sejarah Malaysia (Jilid 1)*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, hlm. 124.
- <sup>6</sup> Just Faaland, Jack Parkinson, Rais B. Saniman, 1991. *DEB Pertumbuhan dan Ketaksamarataan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 5.
- <sup>7</sup> M.V. Del Tufo, 1949. *A Report on the 1947 Census of Population*, Singapore: The Government Publications Bureau Singapore, hlm. 75.
- <sup>8</sup> Sivachandralingam Sundara Raja, 2007. Pembangunan Ekonomi dan Hubungan Kaum di Tanah Melayu, 1500-1957, *Seminar Kebangsaan Ketamadunan, Hubungan Etnik & Kokurikulum 2007*, 20 & 21 Mac 2007, Muzium Seni Asia, Universiti Malaya, hlm. 9.
- <sup>9</sup> Hairi Abdullah, 1974/5. Kebangkitan dan Gerakan Tentera Selendang Merah Dalam Sejarah Daerah Muar dan Batu Pahat, *Jebat*, Bil. 3/4, hlm. 8-9. Lihat juga Kenelm O.L. Burrige, May 1951. Racial Relations in Johore, *Australian Journal of Politics and History*, Vol. II, No. 2. hlm. 163.
- <sup>10</sup> Zaharah Nawawi, 1995. *Panglima Salleh Selempang Merah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 234-235. Lihat juga Ho Hui Ling, 2006. Darurat dan Perpaduan Antara Kaum, *Persidangan Kebangsaan Mengenai Dato' Onn Jaafar*, 1-4 Disember 2006, Anjuran Badan Perhubungan UMNO Negeri Johor dan Yayasan Warisan Johor. hlm. 3.
- <sup>11</sup> Political Report for Week 23-29.1.46, 30.1.46, SUKJ. 6112/1945 (90).
- <sup>12</sup> Cheah Boon Kheng, 1981. Sino-Malay Conflict in Malaya, 1945-1946: Communist Vendetta and Islamic Resistance, *Journal of Southeast Asian History*, Volume 12, No. 1, hlm. 109. Pergaduhan Melayu-Cina di Johor bermula di Ayer Hitam pada 20 Jun 1945 (antara petempatan dari Muar ke Parit Sulong). Kejadian kedua telah berlaku pada 21 Jun 1945 di Parit Kuman, Mukim Sungai Balang. Lihat Chinese Relief Committee kepada the Officer i/n Chinese Affairs, BMA Singapore, 12 November 1945, SUKJ. 6203/1945 (13A). Pada bulan Mei 1945 Moain Saridin @ Shahidin dan Hassan Akasah telah dibunuh. Lihat *Utusan Malaysia*, 28 Mei 2009, hlm. 5. Pergaduhan Melayu-Cina yang terakhir telah berlaku di Mukim Sri Menanti pada 22 Ogos 1945. Lihat Chinese Relief Committee, Muar kepada the Officer i/n Chinese Affairs, BMA Singapore, 12 November 1945, SUKJ. 6203/1945 (13A).
- <sup>13</sup> Cheah Boon Kheng, 1983. *Red Star Over Malaya: Resistance and Social Conflict During and After the Japanese Occupation of Malaya, 1941-1946*, Singapore: Singapore University Press, hlm. 208.
- <sup>14</sup> *Seruan Ra'ayat*, Ahad, 11 November 1945, hlm. 1. Lihat juga Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya*, hlm. 230.
- <sup>15</sup> Ghazali bin Basri, 1974/75. Hilir Perak: Sejarah Hubungan Ras Zaman Pemerintahan Jepun Sehingga Pemerintahan Tentera British (B.M.A) 1942-1946, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, hlm. 31.
- <sup>16</sup> Pada 19 September 1945, berlaku pembunuhan ke atas orang Melayu di Kota Bharu (Kelantan), 26 September 1945 di Alor Gajah (Melaka), di Selangor, Selama, Taiping, Parit, Sitiawan (Perak), Terengganu dan Kuala Pilah. Lihat Political Climate-Interview by British Authority Admin with Sultans, Aug/Dec. 45, WO 203/5642 (1).
- <sup>17</sup> *Majlis*, 5 Mac 1947, hlm. 1.
- <sup>18</sup> *Majlis*, 24 Februari 1947, hlm. 5.
- <sup>19</sup> ISUM No. 11 to 1600 Hrs 13 November 1945, WO 203/2585 (1).

- <sup>20</sup> ISUM No. 46 up to 1600 Hrs 24 Disember 1945, WO 203/2585. Lihat juga War Diary, WO 172/1796 (318).
- <sup>21</sup> War Diary of H.Q. Malaya Command, Message Form from Hq Malaya Command to SACSEA, ALFSEA, DT00 21/750, WO 172/9773 (78), SECRET.
- <sup>22</sup> Man Sheng Pau Press Summaries, 23 Januari 1946, BMA Secretariat PR/3/2- Part II (2).
- <sup>23</sup> Malaya Command of Report No. up to 1700 Hrs 23 Jan 46 (CONFIDENTIAL), WO 203/2660 (70).
- <sup>24</sup> SECRET, War Diary of H.Q. Malaya Command, Message Form from Hq Malaya Command to SACSEA , ALFSEA, DT00 12, WO 172/9773 (124).
- <sup>25</sup> SECRET, War Diary of H.Q. Malaya Command, 1946, Message Form from Hq Malaya Command to SACSEA , ALFSEA, DTOO 27, WO 172/9773 (313).
- <sup>26</sup> Allied Land Forces South East Asia Weekly Intelligence Review, No. 53 for Week Ending 5 October 1945 (SECRET), WO 172/1786 (435).
- <sup>27</sup> Cheah Boon Kheng, *Sino-Malay Conflicts*, hlm. 111.
- <sup>28</sup> Kuala Lumpur Daily Press Summary-Vernacular Papers-No. 74, Utusan Melayu (Malay Daily) Dated 30.12.46, MU 1099/1946 (303).
- <sup>29</sup> ISUM No. 19 up to 1600 Hrs 22 November 1945, WO 203/2585.
- <sup>30</sup> ISUM No. 22 up to 1600 Hrs 26 November 1945, WO 203/2585.
- <sup>31</sup> SECRET, War Diary of H.Q. Malaya Command, Message Form from Hq Malaya Command to SACSEA , ALFSEA, DT00 12, WO 172/9773 (124).
- <sup>32</sup> SECRET, War Diary of H.Q. Malaya Command, Intelligence Summary No. 16, Based on Information Received up to 16 February 1946, WO 172/9773 (186).
- <sup>33</sup> Extract from Official Report-Malaya Racial Disturbances, CO 537/1580 (8).
- <sup>34</sup> ISUM No. 94 up to 1600 Hrs 20 February 1946, WO 203/2585.
- <sup>35</sup> Press Summaries from the China Press, Kuala Lumpur, 23 Februari 1946. BMA Secretariat PR/3/2-Part III (32).
- <sup>36</sup> Confidential ISUM No. 12, 14 November 1945, WO 203/4381 (337).
- <sup>37</sup> Mohd Akbal Abdullah, 2006. *Kiayi Fadhil Al-Banteni*, dalam Johor Mengenang Sumbangsihmu, ed. Abu Bakar A. Hamid, Md. Ismail Zamzam, Kamdi Kamil, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor, hlm. 31.
- <sup>38</sup> CABINET-Policy in Regard to Malaya, Memorandum by the Secretary of State for the Colonies, CO 273/675/7, (5).
- <sup>39</sup> Mr. Carter kepada Miss Monroe, 2 November 1942, INF 1/557 (1).
- <sup>40</sup> Headquarters S.A.C.S.E.A. Signal Form, WO 172/1778 (239). Lihat juga War Diary, 20 November 1945, WO 172/1792 (169). Lihat Policy in Malaya & Borneo, C.M.B.[44]&[45], CAB 98/41. Kegembiraan masyarakat Tanah Melayu tergambar dengan kembalinya British dan mengasaskan BMA antara September 1945 hingga 31 Mac 1946. Lihat CABINET-Policy in Regard to Malaya, Memorandum by the Secretary of State for the Colonies, CO 273/675/7 (5). Masyarakat India mengadakan upacara khas di Kuil Natukkottai Chettiar di Tank Road. O. Ramasamy Nador dari Singapura menyumbangkan wang sebanyak \$10,000 kepada Lord Louis Mountbatten bagi tujuan pembiayaan majlis kesyukuran. Lihat juga Kung Poh Choo, Disember 1976. A Survey of the British Military Administration in the Month of September, 1945, *Jurnal Sejarah*, Jilid. XIV, hlm. 1-10.
- <sup>41</sup> War Diary, WO 172/1795 (41),
- <sup>42</sup> Malaya-Government and Rehabilitation, CO 273/675/7 (43).
- <sup>43</sup> Five Millions Sterling for Economic Development of Malaya. Pahang BMA Newsweek, 4 January 1946, SCAO Pahang, 62/1946 (2).
- <sup>44</sup> Planters, Miners Arrive from U.K., Pahang BMA Newsweek, 4 January 1946, SCAO Pahang, 62/1946 (3).
- <sup>45</sup> Major-General H.R. Hone, D.C.A.(M) kepada BRIG (OPS) Copy to C.C.A.SO, SACSEA, 17<sup>th</sup> August, 1945, Festival of Ramadan, 1945, MU Sec. 2037/46 (3).

- <sup>46</sup> Policy-Chinese Affairs in Malaya, Outward Telegram from S. of S. Colonies to Malayan Union (Sir E. Gent), 9 September 1946, CO 537/1533 (68).
- <sup>47</sup> H. Ralph Hone kepada Consulate-General of the Republic of China, Singapore, 8 March 1946, CO 537/1580 (11).
- <sup>48</sup> War Diary, Psychological Warfare Division, Information Remain No. 17, WO 172/1767 (481).
- <sup>49</sup> Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Keamanan Bentong (*Peace Committee*) telah diadakan bagi mengembalikan keharmonian kaum. Bagi jawatan propaganda (Kesatuan Orang Muda/ *Belia/ Young Men's Society*), Dato' Nong mewakili komuniti Melayu dan Baksheer Singh mewakili komuniti India. Kesatuan sekerja (*Employees' society*) menjalankan kerja pengauditan. Dr. Samuel dilantik bagi jawatankuasa kebersihan. Persatuan Wanita pula bertugas menjalankan kerja kutipan wang. Bagi jawatan setiausaha pula telah dilantik Tan Song Yew dan Dr. Samuel Dagang. AJUF telah menjadi penyelia bagi keseluruhan organisasi tersebut. Lihat The Maintenance of Peace Committee Meeting on 10.9.45, SUK. Phg. 24/45 (2A).
- <sup>50</sup> Bentong Peace Maintenance Committee on 12 September 1945, 13 September 1945, SUK. Phg. 24/45 (1).
- <sup>51</sup> District Officer Temerloh, Daily Situation Report Temerloh District, 13<sup>th</sup> September 45, 14 September 1945, SUK. Phg. 24/45 (4),
- <sup>52</sup> SECRET, War Diary of H.Q. Malaya Command, Message Form from Hq Malaya Command to SACSEA, ALFSEA, DT00 05, WO 172/9773 (99).
- <sup>53</sup> SECRET, War Diary of H.Q. Malaya Command, Message Form from Hq Malaya Command to SACSEA, ALFSEA, DT00 15/800 GH, WO 172/9773 (85).
- <sup>54</sup> SECRET, War Diary of H.Q. Malaya Command, Message Form from Hq Malaya Command to SACSEA, ALFSEA, DT00 14/30 GH, WO 172/9773 (86).
- <sup>55</sup> SECRET, War Diary of H.Q. Malaya Command, Message Form from Hq Malaya Command to SACSEA, ALFSEA, DT00 05, WO 172/9773 (100).
- <sup>56</sup> George Maxwell kepada the Under Secretary of State for the Colonies, 15 March 1946, MU 620/46 (14A[1]).
- <sup>57</sup> Malayanised Chinese Key to the Future, Malay Mail, CAJ. 35/49 (11).
- <sup>58</sup> Inter Communal Relations, Law & Order, Sino-Malay Relations, CO 537/5985 (3A).
- <sup>59</sup> Surat daripada ... (TN) kepada Mr. Sleep, 30 Mac 1946, SUKJ. 6203/1945 (58).
- <sup>60</sup> Resident Commissioner Johore kepada Chief Secretary Malayan Union Kuala Lumpur, RCJ. 65/46 (46).
- <sup>61</sup> A.J. Stockwell, 1979. British Policy and Malay Politics During the Malayan Union Experiment 1942-1948, Monograph No. 8. Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, hlm. 52.
- <sup>62</sup> *Seruan Ra'ayat*, 17 November 1945, hlm. 1-2.
- <sup>63</sup> Ibid.
- <sup>64</sup> *Seruan Ra'ayat*, 18 November, 1945, hlm. 1.
- <sup>65</sup> *Seruan Ra'ayat*, 15 Disember 1945, hlm. 1-2.
- <sup>66</sup> Ibid.
- <sup>67</sup> Ibid.
- <sup>68</sup> *Seruan Ra'ayat*, 29 Disember 1945, hlm. 2.
- <sup>69</sup> Secretary to H.H. the Sultan of Perak Annual Report for 1946, MU. 1227/1947 (1A).
- <sup>70</sup> War Diary, Emergency from Malaya Command to SACSEA ALFSEA, ISUM No. 54, WO 172/1797 (50).
- <sup>71</sup> SECRET, War Diary of H.Q. Malaya Command, Intelligence Summary No. 10, Based on Information Received up to 5 January 1946, WO 172/9773 (4).
- <sup>72</sup> *Seruan Ra'ayat*, 11 Januari 1946, hlm. 1.
- <sup>73</sup> Ghazali bin Basri, Hilir Perak, hlm. 86.
- <sup>74</sup> Laporan Lawatan, Joint-Chairman PCRC, Parit, Enc. (19) in Parit, 81/46, DOLP. 60/45 (1).
- <sup>75</sup> District and Land Office, Kuala Kangsar, Annual Report for 1946, SUK. PK. 703/47 (22).

- <sup>76</sup> Memorandum daripada Asst. Secretary for Chinese Affairs Johore kepada the Hon'ble Secretary for Chinese Affairs, Federation of Malaya, Kuala Lumpur, 11 April 1949, CAJ 35/49 (5[2]).
- <sup>77</sup> Sin Chew Jit Pao Dated 9.4.49, CAJ 35/49 (4). Lihat juga Memorandum daripada Asst. Secretary for Chinese Affairs Johore kepada the Hon'ble Secretary for Chinese Affairs, Federation of Malaya, Kuala Lumpur, 11 April 1949, CAJ 35/49 (5[2]).
- <sup>78</sup> Memorandum daripada Asst. Secretary for Chinese Affairs Johore kepada the Hon'ble Secretary for Chinese Affairs, Federation of Malaya, Kuala Lumpur, 11 April 1949, CAJ 35/49 (4[4]).
- <sup>79</sup> Summarised from China Press, K.L. 21.4.49, Sino-Malay Friendship Meetings at Parit Jawa, Muar, CAJ 35/49 (8).
- <sup>80</sup> Ibid.
- <sup>81</sup> Sino-Malay Friendship at Parit Jawa, Muar, Summarised from China Press, Kuala Lumpur, 2 Jun 1949, CAJ 35/49 (14).
- <sup>82</sup> Malaya Combined Intelligence Summary No. 1, Period 1<sup>st</sup> to 31<sup>st</sup> January 1940-Malaya-Political, Chinese Islamic South Asia Goodwill Mission, WO 208/1523 (1).
- <sup>83</sup> Confidential from Malaya Command kepada ALFSEA (ISUM 237), 25 Oktober 1946, WO 203/6096 (1).
- <sup>84</sup> Political Developments Review of Chinese Affairs, dalam Review of Chinese Affairs, September 1948, CO 537/3750 (15-16).
- <sup>85</sup> Political Developments-Review of Chinese Affairs (SECRET), CO 537/3750 (22).
- <sup>86</sup> S.T. King yang menjadi konsul di Kuala Lumpur telah melaporkan pada Ogos 1948 terdapat seramai 500,000 orang Cina di Selangor, Negeri Sembilan, Pahang dan 128,000 di Perak yang telah berdaftar dengan konsulat China. Lihat Monthly Review of Chinese Affairs (SECRET), Copy No. 6, December 1948, CO 537/3750 (22).
